

U GB 07-01 00134 BB733

Bah

MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat Pertama Majlis Pembangunan Negara
Pembangunan (Dengan Gambar)

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Pembangunan Negara di sini.

Mesyuarat itu, yang diadakan di Bilik Gerakan Negara, Jabatan Perdana Menteri (JPM), adalah bagi membincang dan memastikan majlis tersebut dapat menjalankan fungsinya dengan berkesan.

Majlis itu ditubuhkan bagi menggantikan Majlis Tindakan Negara menerusi Arahan Nombor 1 (1991) Jentera Penyelarasan Pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

Arahan itu dikeluarkan sempena pelancaran Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) dan Rancangan Malaysia Keenam (RM6) bagi menggantikan Arahan Nombor 1 (1971) Majlis Tindakan Negara.

Salah satu fungsi penting majlis itu ialah menentukan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan adalah selaras dengan matlamat-matlamat DPN dan RM6.
-- Lagi

▼07/01/12-40MST

U GB 07-01 00188 BB734

Bah

Pembangunan 2 Kuala Lumpur

Ia juga berfungsi menentukan strategi dan pelaksanaan program dan projek pembangunan kerajaan menepati matlamat-matlamat DPN dan RM6 serta mengesan dan menilai strategi pelaksanaan program dan projek di bawahnya.

Majlis itu dianggotai oleh Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba serta lapan orang menteri lain, iaitu Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Seri S.Samy Vellu dan Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Anggota-anggota lain ialah Menteri Kerja Raya Datuk Leo Moggie, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid, Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Perusahaan Awam Datuk Dr Yusof Nor.

Sebuah Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negara juga ditubuhkan di bawah majlis tersebut, dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, dengan dianggotai oleh tujuh anggota.

Menurut susunan majlis itu, sebuah Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negara peringkat kementerian turut ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha masing-masing manakala Majlis Pembangunan Negeri, yang menggantikan Majlis Tindakan Negeri, dipengerusikan oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri. -- Lagi

▼07/01/12-43MST

U GB 07-01 00155 BB735

Bah

Pembangunan 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Bagaimanapun, majlis peringkat negeri bagi Sabah dan Kelantan dipengerusikan oleh Pengarah Pembangunan Persekutuan di negeri masing-masing.

Di peringkat daerah pula, semua Jawatankuasa Pembangunan Daerah akan diketuai oleh Pegawai Daerah masing-masing.

Semua program yang dilaksanakan diselaraskan oleh sebuah urusetia di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, JPM.

Majlis itu akan bersidang sekurang-kurangnya empat kali setahun atau pada bila-bila masa yang ditetapkan oleh Perdana Menteri manakala semua jawatankuasa lain bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali mengikut keperluan.

Bagaimanapun, setakat ini Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negara, yang ditubuhkan bagi memastikan semua arahan dan keputusan majlis dilaksanakan oleh semua jawatankuasa lain, telah dua kali bermesyuarat.

Mesyuarat hari ini dihadiri oleh semua anggota majlis kecuali Datuk Seri Dr Ling. Yang turut hadir ialah tujuh anggota Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negara, termasuk Ketua Audit Negara Tan Sri Ishak Tadin dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Datuk Mohd Sheriff Mohd Kassim. -- Bernama

▼07/01/12-46MST